

ILMU *TAHRĪRĀT* : SUATU PENGENALAN AWAL

Oleh:

Dr. Sabri Bin Mohammad¹
Mohd Nurudin Bin Puteh²

Abstrak

Ilmu *al-Tahrīrāt* merupakan salah satu ilmu yang sangat berkait rapat dengan *al-Qur'an al-Karīm* secara umumnya dan Ilmu *al-Qira'at al-Mutawatirah* secara lebih khusus. Melalui ilmu ini, keabsahan periwayatan *al-Qur'an al-Karīm* atau lebih khusus lagi keabsahan periwayatan *al-Qira'at al-Mutawatirah* dapat dinilai untuk ditentukan. Berdasarkan kepada realiti tersebut, ulama^c *al-Qira'at* yang terdahulu dan terkini, sangat memberi penekanan yang serius serta secara berterusan terhadap kepentingannya dalam ilmu *al-Qira'at al-Mutawatirah* yang diterapkan samada semasa proses pembelajaran dan pengajaran begitu juga dalam bentuk penulisan ilmiyyah yang dihasilkan untuk dijadikan sebagai bahan kajian dan rujukan. Tanpa menguasai ilmu ini dalam mempraktikkan pembacaan *al-Qira'at al-Mutawatirah* yang di dalamnya terkandung *turuq* periwayatan yang pelbagai akan mengakibatkan berlakunya pertindihan riwayat yang membawa kepada kecacatan periwayatan *al-Qira'at al-Mutawatirah* itu sendiri sekaligus menyebabkan bacaan *al-Qira'at al-Mutawatirah* tersebut diragui kesahihannya dan ditolak kerana dikatogerikan sebagai *al-Qira'at al-Shadhab* sebagaimana disepakati oleh ulama^c *al-Qira'at*. Pengenalan kepada ilmu ini juga bertujuan sebagai titik mula berkembangnya satu lagi cabang penting ilmu *al-Qira'at al-Mutawatirah* yang mesti diterokai sekaligus memelihara keaslian kualiti ilmu dari dicemari oleh sebarang campuraduk secara riwayah dan dirayah. Justeru medote kajian perpustakaan untuk mengkaji periwayatan bacaan *al-Qira'at al-Mutawatirah* sangat penting dibuat agar dapat ditentukan gaya bacaan yang sahih dan tertolak diketengahkan dengan pendekatan yang mudah supaya ilmu ini juga lebih mudah dikuasai.

¹Ketua Jabatan *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

²Pelajar sarjana Jabatan *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

1. PENGENALAN

Ilmu *al-Tahrīrāt* adalah salah satu daripada ilmu yang berkait rapat dengan periwayatan *al-Qur'ān* dan *al-Qirā'āt*. Ini kerana fungsinya adalah untuk menjelaskan sumber asal periwayatan *al-Qur'ān* dan *al-Qirā'āt* bagi mengelak daripada berlakunya sebarang pertindihan riwayat dalam periwayatan pelbagai gaya bacaan samada ketika bacaan secara *Ifrād al-Qirā'āt*³ bagi riwayat salah seorang daripada imam *al-Qirā'āt* sepuluh yang *mutawātir* yang tertentu atau bacaan secara *Jam' al-Qirā'āt*⁴ iaitu dengan membaca semua perbezaan wajah bacaan yang terdapat pada sesuatu ayat tertentu mengikut apa yang diriwayatkan oleh sepuluh orang imam *al-Qirā'āt al-Mutawātirah* secara sekaligus dengan keadaan yang tersusun. Cara bacaan ini dibaca berterusan sehingga tamat bacaan 30 juz *al-Qur'ān*.

Berlakunya pertindihan semasa membaca pelbagai gaya bacaan *al-Qirā'āt* adalah *ḥarām* dari sudut *al-Riwayāh*⁵ dan makruh *karahahtahrīmī*⁶ dari sudut *al-Dirāyah*⁷ sebagaimana yang dinyatakan oleh Shaykh Mustofa al-Azmīrī di dalam kitabnya⁸. Maka jelaslah disini bahawa ilmu *al-Tahrīrāt* mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan ilmu *al-Qirā'āt* secara khususnya, bahkan menjadi suatu ilmu yang mesti diketahui oleh para penuntut ilmu *al-Qirā'āt* walaupun bukan secara mendalam iaitu

³*Ifrād* ialah bacaan *al-Qirā'āt* terhad mengikut metode bacaan imam-imam *al-Qirā'āt* yang tertentu.

⁴*Jam' al-Qirā'āt* ialah bacaan lebih daripada satu riwayah dalam sekali khatam 30 juz. Perkara ini diperaktikkan dalam proses pembelajaran dan pengajaran *al-Qirā'āt* dengan syarat-syarat tertentu. *Muktasar al-‘Ibarat Li Mu‘jam Mustalahat al-Qirā'āt*, 2008, Ibrahim Bin Sa‘id al-Dusri, Dar al-Hadarah Li al-Nasyr Wa al-Tawzī‘, al-Riyad, al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sū‘udiyah.

⁵*al-Riwayāh* ialah bacaan yang disandarkan kepada perawi-perawi kepada Imam *al-Qirā'āt*. *al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah*, 1999, ‘Abd al-Halim Bin Muhammad al-Hadi Qabah. Dar al-Ghar al-Islami, Beirut.

⁶*Makruh karahah tahrīmī* ialah makruh yang paling hampir dengan haram. Ia adalah bahagian kedua daripada dua jenis makruh, sebagaimana dinyatakan oleh ulama’-ulama’ *usul al-Fiqh*. Shaykh al-Mitwalli, 2006, *Rawd al-Nadīr Fi Tahrir Awjuh al-Kitab al-Munir*, Dar al-Sahabah Li al-Turath Bi Tanta, Tanta, Tahqiq dan Dirasah Khalid Abu al-Jud. (*makhtūṭah*).

⁷*al-Dirāyah* ialah mengetahui peraturan-peraturan pada bahasa arab yang terkandung daripadanya Hukum-hukum *al-Tajwid*, nas kitab-kitab menyatakan perbezaan pandangan dikalangan imam-imbau karya-karya ilmu *al-Qira'at* termasuk juga ilmu *Rasm*, *Dobt* dan *Fawasil*. Pandangan Dr. Muhammad Khalil Zuruq dalam perbicangan *Multaqa Ahl Tafsir* dibawah tajuk *al-Dirayah Hakimah ‘Ala al-Riwayah* pada 27/06/1430 bersamaan 20/06/2009, 09:41 pm. Rujuk laman web <https://vb.tafsir.net/tafsir16455/#.WMeH9LM2vrc>

^{8c}Abd al-Rāziq Bin ‘Alī Bin Ibrāhīm Musā, 1992, *Ta ammulāt Ḥawl Tahrīrāt al-Ulama’ Li al-Qirā'āt al-Mutawātirah*, Wizarat al-I‘lam, Madinah al-Munawwarah, hlm. 9.

memadai dengan mengetahui susunan gaya bacaan yang telah disusun oleh para ulama^c ilmu *al-Tahrīrāt* dan ilmu *al-Qirā'at* di dalam karya-karya mereka.

Dalam artikel ini penulis akan membincangkan tentang ilmu *al-Tahrīrāt* sebagai suatu pengenalan awal dengan menyentuh tentang definisinya, sejarah perkembangannya, kepentingannya, scenario penulisannya, kepentingannya dan faedah-faedahnya serta nama-nama karya ulama *al-Tahrīrāt* sebagai maklumat awal penulis dalam rangka usaha meneruskan pengkajian yang mendalam tentangnya.

2. DIFINISI AL-TAHRĪRĀT

Ia mempunyai beberapa definisi. Di bawah ini akan diterangkan definisinya dari sudut bahasa dan istilah.

2.1 DIFINISI AL-TAHRĪRĀT DARI SUDUT BAHASA

al-Tahrīrāt mempunyai beberapa pengertian dari sudut bahasa. Yang dimaksudkan dari sudut bahasa disini ialah dari sudut bahasa ^carab atau disisi ulama^c - ulama^c bahasa ^carab. Ini kerana kalimah ini berasal daripada bahasa ^carab. Disini penulis akan menerangkan beberapa pengertiannya dari sudut bahasa iaitu:

- i. *al-Tadqīq* : Iaitu meneliti sesuatu dan melihat dengan secara teliti padanya tanpa membuat sebarang penambahan atau pengurangan⁹.
- ii. Menurut kamus “*Lisan al-^cArab*” *al-Tahrīrāt* berkmaksud menghalusi sesuatu penulisan iaitu menunaikan hak penulisan hurufnya dan membaiki mana-mana yang hilang¹⁰.

⁹Shaykh Muḥammad Yālūshah,2006, *al-Fawāid al-Muḥamāh sharḥ al-Jazariyyah al-Muqaddimah*, Maktabah al-Adab (Ali Hasan) Kaherah.hlm. 6 dan *al-Faṭḥ al-Rahmānī: Sharh Kanz al-Ma‘ani Bi Tahrir Hirz al-Amani Fi al-Qira’at*, 2002, Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah. Beirut, Lubnan, Sulayman Bin Husayn al-Jamzuri. hlm. 18.

¹⁰Muhammad Bin Makram Bin ^cAlī, Abū al-Fadl, Jamal al-Dīn Ibn Manzur al-Ansari al-Ruwiffī al-Afriqi, 1993, *Lisān al-^cArab*, Dar Sadir, Beirut, Lubnan, j. 4.hlm. 187.

- iii. Menurut Syaykh ^cAbd al-Rāziq Mūsā :*al-Tahrīrāt* ialah pengukuh, peneliti dan pengadil. Sebagai contoh dikatakan “meneliti sesuatu kitab atau selainnya” ialah bermaksud mengukuhkannya. Meneliti sesuatu penimbang (wazan) bermaksud menghalusi timbangannya atau meneliti sesuatu lontaran jika ingin diadilinya¹¹.
- iv. Menurut kitab *Rawd al-Nađīr*, *al-Tahrīrāt* bermaksud *al-Tahrīr*, *Tahzīb*, *Taṣfiāh* dan *Tanqīh* yang kesemuanya memberi makna *al-Taḥqīq* iaitu menjelaskan sesuatu (melalui pengkajian yang teliti) dan *al-Talkhīṣ* iaitu merincikan sesuatu. Selain itu ia juga bermakna menghuraikan ikatan (kekusutan).¹²

Melihat kepada definisial-*Tahrīrāt* dari sudut bahasa yang dinyatakan di atas dapatlah disimpulkan bahawa *al-Tahrīrāt* dari sudut bahasa ialah penelitian, penjelasan, pembersihan, penyemakan, penyaringan dan pengasingan.

2.2 DEFINISI AL-TAHRIRĀT DARI SUDUT ISTILAH.

Ia mempunyai beberapa definisi dari sudut istilah. Yang dimaksudkan dari sudut istilah disini ialah makna disisi ulama^c bidang *al-Qirā'āt* dan *al-Tahrīrāt*. Di bawah ini akan diterangkan definisinya dari sudut istilah mengikut pandangan ulama^c bidang *al-Qirā'āt* dan *al-Tahrīrāt*, iaitu;

Pertama : Mengikut pandangan Syaykh ^cAbd al-Rāziq Musā. Beliau membahagikan *al-Tahrīrāt* kepada tiga definisi iaitu;

- i. Menyaring *al-Qirā'āt* dan membersihkannya daripada sebarang kesilapan dan kesukaran¹³.

¹¹ ^cAbd al-Rāziq Bin ‘Alī Bin Ibrāhīm Musā, 1992, *Ta ammulāt Hawl Tahrīrāt al-‘Ulama’ Li al-Qirā'āt al-Mutawātirah*, Wizarat al-Ilam, Madinah al-Munawwarah, hlm. 9.

¹²Syaykh al-Mitwalli, 2006, *Rawd al-Nađīr Fi Tahrir Awjuh al-Kitab al-Munir*, Dar al-Sahabah Li al-Turath Bi Tanta, Tanta, Tahqiq dan Dirasah Khalid Abu al-Jud. (makhtūṭah).

¹³*al-Faṭḥ al-Rahmānī: Sharh Kanz al-Ma‘ani Bi Tahrir Hirz al-Amani Fi al-Qira’at*, 2002, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Beirut, Lubnan, Sulayman Bin Husayn al-Jamzuri.

Dengan definisi ini, dilarang berlaku sebarang pertindihan dalam bacaan *al-Qirā'āt*, sebarang percampuran riwayat-riwayat diantaranya, sebarang penyandaran *al-Qirā'āt* kepada bukan imamnya, dan semua perkara ini juga dilarang dalam periwayatan al-Hadith al-Sharīf, lebih-lebih lagi terhadap *al-Qirā'āt*, kerana keterkaitannya dengan periwayatan kalam Allah s.w.t¹⁴.

- ii. Menyaring *al-Qirā'āt* daripada sebarang kesilapan atau kecacatan. Contohnya berlaku sebarang pentindihan riwayat. Dinamakan juga sebagai campuraduk.

Imam as-Sakhāwi juga berkata di dalam kitab *Jamal al-Qurrā'*; “ Jika bercampur pelbagai gaya bacaan *al-Qirā'āt* antara satu dengan yang lain, maka ia adalah dikira suatu kesilapan atau kesalahan ”¹⁵. Imam al-Qastollānī pula berkata di dalam kitab *Latāifnya*; “ Wajib ke atas seorang pembaca *al-Qur'ān* menghindarkan daripada berlaku sebarang pertindihan diantara pelbagai gaya bacaan ketika membacanya dengan membezakan antara pelbagai gaya bacaan tersebut. Jika tidak ia akan menyebabkan kita beramal dengan apa yang tidak dibolehkan serta membaca pelbagai gaya bacaan yang tidak berdasarkan kepada *al-Qur'ān* dan *al-Qirā'āt* yang tidak diwahyukan ”¹⁶.

- iii. Pembeza dan penjelas.

Berdasarkan daripada ringkasan kata-kata imam Ibn al-Jazarī di dalam kitab *al-Nashr* “ Matlamat daripada apa yang kami sebut daripada kitab (semua *tariq-tariq* bersandarkan kitab-kitab) ialah supaya tidak berlaku sebarang pertindihan kemudian disebut.....sesungguhnya apabila boleh dibezakan dan dijelaskan (riwayat-riwayat dan *turuq*) maka tidak berlakulah sebarang

¹⁴Ibid, hlm. 18.

¹⁵Ibid, hlm. 9.

¹⁶Ibid, hlm. 9-10.

pertindihan ...”¹⁷ Justeru itu berkata Shaykh ^cAbd al-Rāziq dalam kitab *al-Fath al-Rahmānī*, halaman 18, jelaslah bahawa “Pembeza dan Penjelas ialah apa yang dinamakan oleh ulama^c*al-Qirā'at* sebagai *al-Tahrīrāt*”¹⁸.

Kedua : Menurut al-Sayykh al-Azmīrī dalam kitab ^c*Umdah al-Irfān maksud al-Tahrīrāt* ialah : Suatu Penelitian yang mendalam terhadap *al-Qirā'at* dan mengukuhkannya serta berusaha untuk membezakan setiap riwayat melalui *turuqnya* yang sahīh tanpa bercampur dengan riwayat yang lain¹⁹.

Ketiga : Menurut al-Shaykh Muhammad al-Mitwalli *maksud al-Tahrīrāt* ialah: Memelihara pelbagai gaya bacaan daripada berlaku sebarang pertindihan²⁰.

Keempat : Menurut imam Ibn al-Jazarī; “ Dan faedah daripada apa kami pastikannya, kami asingkannya melalui *turuq* dan kami sebut sandaran daripada kitab-kitab ialah supaya tiada sebarang pertindihan iaitu campuraduk. Sesungguhnya apabila ia dapat dibezakan dan dijelaskan hilanglah pertindihan. Mereka yang membezakannya ialah ulama^c *al-Tahrīrāt* ”.

Kelima : Menurut Doktor Īhāb Fikrīy; “ Mempastikan sandaran sesuatu yang diriwayatkan kepada *turuq* yang diriwayatkannya supaya tidak disandarkan huruf²¹ kepada bukan periyatnya ”²².

¹⁷ Al-Imām Shams al-Dīn Abū al-Khayr Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn al-Jazarī, 2009, *al-Nashr Fi al-Qiraat*, Matba^cah al-Tijariyyah al-Kubra.hlm. 191.

¹⁸ Yang berkata ialah Syaykh ^cAbd al-Rāziq, disebut dalam kitab *al-Fath al-Rahmānī: Sharh Kanz al-Ma^cani Bi Tahrir Hirz al-Amani Fi al-Qira'at*, 2002, Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah. Beirut, Lubnan, Sulayman Bin Husayn al-Jamzuri. hlm. 18.

¹⁹ Mustafā Ibn ^cAbd al-Rahmān al-Azmīrī, 2015, *Umdah al-Irfān Fi Wujuh al-Quran*, Makatabah al-Jundi, Matba^cah al-Jundi, Kaherah.hlm. 3.

²⁰ Syaykh al-Mitwalli, 2006, *Rawḍ al-Naḍīr Fi Tahrir Awjuh al-Kitab al-Munir*, Dar al-Sahabah Li al-Turath Bi Tanta, Tanta, Tahqiq dan Dirasah Khalid Abu al-Jud. (makhtūṭah).

²¹Gaya bacaan pada sesuatu kalimah apa yang terkandung pada penulisan *rasm* secara *ihtimal* dan *itlaq* terhadap hukum-hukum tajwid bagi seseorang imam dari sudut *Tashil al-Huruf Hamzah* atau hukum-hukum berkaitan dua huruf *Hamzah*. Imam Ibn al-Jazari menaqlakan daripada Abu ^cAmru al-Dani: Gaya bacaan yang berbeza daripada *al-Qira'at* dan perubahan-perubahan pada bahasa dinamakan huruf-huruf. *Tashil Ilm al-Qira'at al-Jami^c Li Kul Min Tariqay al-Shatibiyah Wa al-Durrah Wa al-Tayyibah*, 2008, Ayman Baqlah, Dimasyq..

Daripada definisi-definisi *al-Tahrīrāt* yang dinyatakan di atas dapatlah disimpulkan bahawa definisial-*Tahrīrāt* dari sudut istilah ialah suatu ilmu yang membicarakantentangpenyaringanal-*Qirā'ātal-Qurāniyyah* sebagaimana yang disebut dalam kitab *al-Nashr* iaitu membersihkannya serta mengasingkan pelbagai gaya bacaanal-*Qirā'āt* daripada berlaku sebarang pertindihan. Pekara ini dapat dielakkan dengan menyandarkan *turuq* kepada perawinya supaya tidak disandarkan huruf²³ kepada bukan periwayatnya.

2.4 DEFINISI AL-TAHRĪRĀT SECARA UMUM DAN KHUSUS.

Daripada definisi *al-Tahrīrāt* yang dinyatakan dari sudut bahasa dan istilah di atas, dapatlah disimpulkan bahawa *al-Tahrīrāt* dengan definisi umum dan khususnya adalah seperti berikut:

i. *al-Tahrīrāt* dengan definisi umum ialah:

Menghimpun ayat-ayat *al-Qur'ān* kemudian menerangkan pelbagai gaya bacaan yang dilarang dan yang diterima pada setiap bacaan (*qirā'āt*) atau kitab. Jika demikian, ia telah bermula semenjak zaman Nabi s.a.w berterusan sehingga ke zaman al-Dānī, Ibn Shuraiḥ dan selainnya dari kalangan Ulama^c besar *Qurrā'*.

²² Doktor İhāb Fikri(t.th), *al-Durrur al-Zāhirah Fi Tahrīr al-Qirā'āt al-Mutawātirah* (t.tp), (t.tp),hlm. 1(makhtuṭah).

²³ Gaya bacaan pada sesuatu kalimah apa yang terkandung pada penulisan *rasm* secara *ihtimal* dan *itlaq* terhadap hukum-hukum tajwid bagi seseorang imam dari sudut *Tashil al-Huruf Hamzah* atau hukum-hukum berkaitan dua huruf *Hamzah*. Imam Ibn al-Jazari menaqalkan daripada Abu ^cAmru al-Dani: Gaya bacaan yang berbeza daripada *al-Qira'at* dan perubahan-perubahan pada bahasa dinamakan huruf-huruf. *Tashil 'Ilm al-Qira'at al-Jami^c Li Kul Min Tariqay al-Shatibiyah Wa al-Durrah Wa al-Tayyibah*, 2008, Ayman Baqlah, Dimasyq.

ii. ***al-Tahrīrāt* dengan definisi khusus ialah:**

Menghimpun ayat-ayat *al-Qur'ān* kemudian menerangkan pelbagai gaya bacaan yang dilarang dan yang diterima berpaksi kepada *datarīq al-Shātibiyah*, *al-Durrah* dan *al-Tayyibah*. Jika demikian ia bermula pada zaman imam Ibn al-Jazarī kemudian seterusnya pada zaman pensharah-pensharah matan *al-Tayyibah* seperti Ibn al-Nāzim dan al-Nuwayrī, walaupun ia tidak dibuat secara susunan berasingan secara khusus. Adapun orang yang pertama mengasingkan *tahrīrāt al-Tayyibah* secara tersusun dan berasingan ialah imam Muḥammad al-^cAwfī.

3. PERKEMBANGAN ILMU AL-TAHRĪRĀT

Ulama^c berbeza pendapat dalam menentukan bilakah bermulanya ilmu *al-Tahrīrāt*. Di antara pendapat-pendapat mereka ialah:

Pertama:

Permulaan ilmu *al-Tahrīrāt* adalah bersama dengan zaman ketika turunnya wahyu sebagaimana dinayatakan oleh Doktor Īhāb Fikrī; “ Permulaan ilmu ini ialah bersamaan dengan permulaan proses pembelajaran dan pengajaran *al-Qur'ān* ”. Sesungguhnya pakar *al-Qur'ān* bersungguh-sungguh dalam memelihara *al-Qur'ān* melalui proses pembelajaran dengan guru-guru mereka, bagi mematuhi sabda baginda Rasulullah s.a.w sebagaimana yang diriwayatkan oleh ^cAlī r.an “ Sesungguhnya Rasulullah s.a.w menyuruh kamu mengajar setiap lelaki dari kalangan kami sebagaimana kami di ajar. Maka kami pun bertebaranlah (untuk mengajarkan *al-Qur'ān*). Setiap lelaki daripada kami mengajar huruf yang tidak dibaca olehnya (pelajar). Hadith riwayat Ibn Ḥibban²⁴.

Pada asalnya setiap *Qāri'* mestilah melazimi wajah bacaan yang dibacakan oleh gurunya. Tetapi sesetengah ulama^c*Qurrā'* mengharuskan untuk memilih apa yang

²⁴Diriwayatkan oleh Ibn Ḥibban. Sunan Ibn Ḥibban, 1993, Muhammad Bin Hibban Bin Ahmad Bin Hibban Bin Mu^caz Bin Ma^cbad al-Tamimi, Abu Hatim, al-Darimi, al-Busti, Muassasah al-Risalah, Beirut.

diriwayatkan daripada guru-guru mereka asalkan tidak berlaku campuraduk sebagaimana telah diberi amaran tentangnya kerana bimbang terhasil daripadanya kesilapan. Sebagai contoh; bacaan *qirā'āt* dalam ayat (فَتَلَقَى آدُمْ مِنْ رَبِّهِ كَلْمَاتٍ) samada dibaca dengan huruf *Mīm* pada (آدُمْ) dan huruf *Tā* pada (كَلْمَاتٍ) berbaris depan dan dua di depan atau kedua-duanya berbaris atas dan dua di atas. Pemilihan terhadap wajah bacaan ini tidak mengira sesiapa yang menaqalkannya daripada gurunya yang diajarkan kepadanya dan bukan padanya ijtihad atau qias walaupun sedikit sebagaimana yang disebut oleh imam al-Shātibiy:

25 *وَمَا لَقِيَاسٌ فِي الْقِرَاءَةِ مَدْخُلٌ فِدْوَنَكَ مَا فِيهِ الرُّضُ مُتَكَفِّلٌ*

Terjemahannya:

Tiada sebarang kaedah qias pada bacaan *al-Qirā'āt* maka tiada pilihan bagi kamu padanya melainkan reda dan bertanggungjawab memeliharanya.

Apa yang difahami daripada matan di atas ialah wajah bacaan *al-Qirā'āt* tidak di ambil melalui kaedah qias. Bahkan ia merupakan perkara yang di turunkan oleh Allah s.w.t. Maka ia mesti diterima dengan perasaan reda dan bertanggungjawab dalam memeliharanya.

Kedua:

Bermula ilmu *al-Tahrīrāt* ialah pada kurun kelima sebagaimana dinyatakan oleh al-Saykh al-Rāziq Musā; “ Boleh dikatakan bahawa permulaan *al-Tahrīrāt* ialah pada kurun kelima hijrah, pada zaman al-Hāfiẓ al-Dānī, Ibn Shuraiḥ, Makkī al-Qaisīy, al-Ahwāzī, Abul Al-Qāsim al-Huzalī dan selain daripada mereka dimana muncul bacaan *Jam'* *al-Qirā'āt* dengan sekali khatam (sekaligus) pada akhir tahun 500 hijriah. Pada masa itu, menjadi adat di kalangan ulama^c salafussaleh ialah khatam setiap bacaan imam sekali khatam sehingga sesorang pelajar akan mengambil masa yang lama untuk

²⁵Doktor Īhāb Fikri(t.th), *al-Durrur al-Zāhirah Fi Tahrīr al-Qirā'āt al-Mutawātirah* (t.tp), (t.tp),(makhtutah).

menamatkan bacaan *qirā'āt* tujuh²⁶. Berkata al-Syaykh Ibrāhīm al-^cAbīdī; “ Adalah ulama^c al-Salaf r.anhm mereka tidak mengumpulkan sesuatu riwayat kepada riwayat yang lain ”. Munculnya metode bacaan secara *Jam'* (kumpul) *al-Qirā'āt* sekaligus dengan sekali khatam ialah pada pertengahan tahun 500H daripada zaman al-Dānī r.an. Metode bacaan ini berterusan sehingga sekarang.Tetapi disyaratkan seseorang itu mestilah mahir bacaan secara *ifrād* (wajah bacaan setiap imam), mahir tentang *tariq-tariq* dan riwayat-riwayat²⁷.

4. PENULISAN ILMU AL-TAHRIRAT

Ulama berbeza pendapat bilakah dan siapakah yang menyusun ilmu *al-Tahrīrāt* dalam bentuk penulisan. Terdapat dua pendapat dalam menentukannya, iaitu:

Pertama:

Ibn al-Jazarī adalah orang pertama menyusun ilmu *al-Tahrīrāt* secara khusus.Terdapat sebuah karya yang dikarang oleh beliau yang dinamakan *al-Masā'il al-Tibriziah*.Sebahagian besarnya menyentuh tentang *al-Tahrīrāt*.Namun secara perinciannya terdapat di dalamnya masalah tentang *al-Tahrīrāt* dan selainnya²⁸.

Kedua:

al-Shaykh Muḥammad al-^cAwfī merupakan orang yang mengasingkan *al-Tahrīrāt* secara tersusun melalui penulisan secara khusus²⁹.

^{26c} Abd al-Rāziq Bin ‘Alī Bin Ibrāhīm Musā,1992, *Ta ammulāt Hawl Tahrīrāt al-‘Ulāma’ Li al-Qirā'āt al-Mutawātirāh*, Wizarat al-I‘lam, Madinah al-Munawwarah, hlm. 7.

²⁷ Ibrāhīm al-^cAbīdī(t.th), *al-Tahrīr al-Muntakhabah ‘Alā Matn al-Tayyibah*, (t.tp), (t.tp), hlm. 132.

^{28c} Abd al-Rāziq Bin ‘Alī Bin Ibrāhīm Musā,1992, *Ta ammulāt Hawl Tahrīrāt al-‘Ulāma’ Li al-Qirā'āt al-Mutawātirāh*, Wizarat al-I‘lam, Madinah al-Munawwarah, hlm. 42.

²⁹ Seorang yang ^cĀlim dalam ilmu *al-Qirā'āt* dan *al-Tafsīr*.Beliau menulis beberapa buah karya dalam ilmu *al-Qirā'āt* dan *Tahrīrāt-Tahrīrāt*nya yang masih dalam makhtūtah.Antaranya *Talkhīs al-Nashr Wajawahir al-Mukammalah Liman Rāma al-Ṭurūq al-Mukammalah Fī al-Qirā'āt al-^cAshr*. Lihat *Imām al-Mitwallī Wajuhudū Fi ‘Ilm al-Qira’at*, 1999, Karya Dr Ibrahim Bin Said Hamad al-Dusari, Maktabah al-Rusyd Li al-Nasyr Wa al-Tawzī^c, Riyad, Mamlakah al-Su^cudiyyah al-^cArabiyyah.

Daripada dua pendapat diatas dapat disimpulkan bahawa imam Ibn al-Jazari adalah orang pertama menyusun ilmu *al-Tahrīrāt* secara khusus dalam bab berasingan dalam karya beliau sendidri yang dinamakan *al-Masā'il al-Tibriziah*. Adapun orang yang pertama mengasingkan *tahrīrāt al-Tayyibah* secara tersusun dan berasingan ialah imam Muḥammad al-‘Awfi.

5. KEPENTINGAN ILMU AL-TAHRĪRĀT.

Di antara kepentingan ilmu *al-Tahrīrāt* ialah³⁰:

- i. Dengan mempelajarinya dapat diketahui sandaran setiap gaya bacaan *al-Qirā'āt* yang diriwayatkan melalui pelbagai *turuq*, khususnya mengikut apa yang diriwayat berpaksikan kepada *tariq al-Shātibiyyah*, *al-Durrah* dan *al-Tayyibah*.
- ii. Dengan mempelajarinya seseorang itu dapat membezakan riwayat-riwayat yang diriwayatkan melalui pelbagai *turuq*³¹.
- iii. Dengan mempelajari ilmu ini dapat diketahui manakah gaya bacaan yang diharamkan dan manakah gaya bacaan yang diterima serta harus untuk dibaca.
- iv. Dengan mempelajarinya dapat diketahui susunan yang betul bagi setiap wajah bacaan yang diriwayatkan melalui pelbagai *turuq* mengikut keutamaan. Iaitu dapat diketahui manakah gaya bacaan yang lebih utama daripada gaya bacaan yang selainnya selepas perbandingan kuantiti *turuq* yang meriwayatkan gaya bacaan tersebut dibuat.

³⁰Shaykh al-Mitwalli, 2006, *Rawd al-Nadīr Fi Tahrir Awjūh al-Kitab al-Munir*, Dar al-Sahabah Li al-Turath Bi Tanta, Tanta, Tahqiq dan Dirasah Khalid Abu al-Jud. (makhtūṭah).

³¹*Turuq* ialah setiap perbezaan yang disandarkan kepada orang mengambil bacaan daripada al-Rawi (seterusnya kebawah dan kebawah). Contohnya: Tariq al-Asbahani bagi riwayat Warsh.. *Tashil 'Ilm al-Qira'at al-Jami'* Li Kul Min Tariqay al-Shātibiyyah Wa al-Durrah Wa al-Tayyibah, 2008, Ayman Baqlah, Dimasyq.

- v. Setelah diketahui empat perkara di atas, perkara yang paling penting dalam ilmu ini ialah; menghindarkan daripada berlaku sebarang pertindihan atau campuraduk dalam membaca pelbagai gaya bacaan yang diriwayatkan melalui pelbagai *turuq*.

Shaykh Muṣṭafa al-Azmīrī berkata di dalam kitabnya; Berlaku pertindihan dalam membaca pelbagai gaya bacaan *al-Qirā'āt* adalah *ḥarām* dari segi *al-Riwāyāh*³² dan *makrūh karāhah tahrīmī*³³ dari segi *al-Dirāyah*³⁴. Maka meneliti dan menghalusi ketika membaca wajah-wajah bacaan *al-Qirā'āt* dengan membezakan di antara satu *riwāyāh* dengan *riwāyāh* yang lain mengikut *turuq* atau wajah-wajah bacaan *mutawātir*, tanpa mencampurkannya dengan *riwāyāh* yang lain, inilah makna *al-Tahrīr*. Antara faedah-faedah *al-Tahrīr* ialah untuk menjaga kalam Allah s.w.t dari sebarang wajah bacaan yang *ḥarām* dan ‘aib³⁵.

Imam as-Sakhāwi berkata di dalam kitab *Jamal al-Qurrā'*; Jika bercampur pelbagai gaya bacaan *al-Qirā'āt* antara satu dengan yang lain, maka ia adalah dikira suatu kesilapan atau kesalahan³⁶. Imam al-Qastollānī menyatakan di dalam kitab *Latāifnya*; Wajib ke atas seorang pembaca *al-Qur'ān* menghindarkan daripada berlaku sebarang pertindihan pelbagai gaya bacaan ketika membacanya dengan membezakan antara pelbagai gayabacaan tersebut. Jika tidak ia akan menyebabkan kita beramal dengan apa yang tidak dibolehkan serta membaca pelbagai gaya bacaan yang tidak berasaskan kepada *al-Qur'ān* dan *al-Qirā'āt* yang tidak diwahyukan ”³⁷.

³² *al-Riwāyāh* ialah bacaan yang disandarkan kepada perawi-perawi kepada Imam *al-Qirā'āt*. *al-Qirā'āt al-Qur'aniyyah*, 1999, ^cAbd al-Halim Bin Muhammad al-Hadi Qabah. Dar al-Ghar al-Islami. Beirut.

³³ Makruh *karahahtahrīmī* ialah makruh yang paling hampir dengan haram. Ia adalah bahagian kedua daripada dua jenis makruh, sebagaimana dinyatakan oleh ulama^c - ulama^c usul al-Fiqh.

³⁴ *al-Dirāyah* ialah mengetahui peraturan-peraturan pada bahasa arab yang terkandung daripadanya Hukum-hukum *al-Tajwid*, nas kitab-kitab menyatakan perbezaan pandangan dikalangan imamiaitu karya-karya ilmu *al-Qira'at* termasuk juga ilmu *Rasm*, *Dobt* dan *Fawasil*. Pandangan Dr. Muhammad Khalil Zurraq dalam perbicangan *Multaqa Ahl Tafsir* dibawah tajuk *al-Dirayah Hakimah 'Ala al-Riwayah* pada 27/06/1430 bersamaan 20/06/2009, 09:41 pm. Rujuk laman web <https://vb.tafsir.net/tafsir16455/#.WMeH9LM2vrc>

³⁵ ^cAbd al-Rāziq Bin 'Alī Bin Ibrāhīm Musā, 1992, *Ta ammulāt Hawl Tahrīrāt al-'Ulama' Li al-Qirā'āt al-Mutawātirah*, Wizarat al-Ilam, Madinah al-Munawwarah, hlm. 9.

³⁶Ibid, hlm. 9.

³⁷Ibid, hlm. 9-10.

6. FAEDAH - FAEDAH ILMU AL-TAHRĪRĀT.

Di antara faedah-faedah ilmu *al-Tahrīrāt* ialah:

- i. Faedah yang utamanya ialah menghindarkan daripada berlakunya sebarang pertindihan dan campuraduk dalam bacaan *Qirā'at al-Qur'ān al-Karīm* yang mana kedua-kedua perkara ini diharamkan³⁸ oleh ulama^c mengikut pandangan ulama^c *Qurrā'* yang pakar dan mahir.
- ii. Jika dinisbah kepada matan *al-Shātibiyah* dan *al-Durrah* ianya berfungsi sebagai menafsirkan kepada apa yang disebut dalam matan secara ringkas, menjelaskan lafaz-lafaznya, menghubungkaitkan lafaz-lafaz yang mutlak, menepati syarat-syaratnya, memberi peringatan kepada gaya bacaan yang *dāif* dan lain-lain lagi.
- iii. Sebagai peringatan kepada pelbagai gaya bacaan yang *dāif* dan menerangkan sebab-sebab ke*dāif*annya³⁹ supaya pembaca dapat mejauhi gaya bacaan tersebut.
- iv. Menjadi dalil kepada gaya bacaan *al-Qirā'āt* yang dilarang dengan sebab pertindihan yang berlaku hasil daripada bacaan *jam'* *al-Qur'ān* mengikut *Qirā'āt* sepuluh *al-mutawātirah* dengan sekali khatam(sekaligus)⁴⁰.
- v. Berfungsi sebagai penyemak yang teguh di atas asas-asas ilmiah kerana kalimah *tahrīr* memberi makna penelitian dan penghalusan⁴¹.

³⁸Al-Imām Shams al-Dīn Abū al-Khayr Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn al-Jazarī, 2009, *al-Nashr Fi al-Qiraat*, Matba^cah al-Tijariyyah al-Kubra.hlm. 18 dan *Ghayṣ al-Naf'*, 2004, ^cAli Bin Muhammad Bin Salim, Abu al-Hasan al-Nuri al-Safaqisi al-Muqrī' al-Maliki, Dar al-Ilmiyyah, Beirut, hlm. 67.

^{39c}Abd al-Rāziq Bin 'Alī Bin Ibrāhīm Musā,1992, *Ta ammulāt Hawl Tahrīrāt al-'Ulama' Li al-Qirā'āt al-Mutawātirah*, Wizarat al-Iflam, Madinah al-Munawwarah, hlm. 7.

⁴⁰Ibid, hlm 8.

⁴¹Ibid, hlm 8.

- vi. Di antara feadahnya juga ialah memelihara kalam Allah s.w.t daripada disandarkan kepada *tariq* yang haram dan aib⁴².

7. KARYA-KARYA BERKAITAN AL-TAHRIRAT

Karya-karya berkaitan *al-Tahrīrāt* ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama ialah *al-Tahrīrāt al-Syatibiyyah*. Manakala bahagian kedua pula ialah *al-Tahrīrāt al-Tayyibah*.

7.1 Bahagian Pertama: *al-Tahrīrāt al-Shātibiyyah*

- i. *Kanz al-Ma‘āniy Bi Tahrīr Hirz al-Amāniy Lil Syaykh Sulaymān al-Jamzuriy. Imam al-Jamzuriy membuat syarahan dalam kitabnya al-Fath al-Rahmāniy Syarh Kanz al-Ma‘āniy.*
- ii. *Mukhtasar Bulugh al-Umnīyyah ḡAlā Nazm Tahrīr al-Shātibiyyah*
- iii. *Hal al-Musykilāt Wa Tawdhīḥ al-Tahrīrāt Fi al-Qirā’āt Li Muḥammad Abd al-Rahmān al-Khalīfiy.*
- iv. *Irsyād al-Murid Li al-Shaykh al-Dhobba^c*
- v. *al-Tahrīrāt al-Mardiyyah ḡAla Matn al-Shātibiyyah*

7.2 Bahagian Kedua: *al-Tahrīrāt al-Tayyibah*

- i. *ᵘUmdah al-ᶜIrfān Li al-Azmīrī.*
- ii. *al-Rawd al-Nadīr Li al-Mutuwallī*

⁴²Muṣṭafā Ibn ḡAbd al-Rahmān al-Azmīrī, 2015, *Umdah al-ᶜIrfān Fi Wujuḥ al-Quran*, Makatabah al-Jundi, Matbaᶜah al-Jundi, Kaherah.hlm. 3.

- iii. Fatḥ al-Karīm Fi Tahrīr Awjuh al-Qurān al-Karīm Li al-Mutuwallī*
- iv. Sharḥ Tanqīḥ Fatḥ al-Karīm Li al-Shaykh Aḥmad al-Zayyat.*
- v. Tahrīr al-Turuq Wa al-Riwāyāt Fi al-Qiraat Li al-Shaykh Ḥalī Sulaymān al-Mansuri*

8. PENUTUP

8.1 Kesimpulan

Ilmu *al-Tahrirat* adalah ilmu yang sangat berkait rapat dengan *al-Qur'an* dan *al-Qira'at* samada secara *al-Riwayah* ataupun *al-Dirayah*. Peranannya sangat penting dalam menentukan kesahihan sandaran *riwayat* dan *dirayah al-Qur'an* dan *al-Qira'at* daripada di cemari. Apabila diketahui sandarannya yang *sahih*, sebarang percampuran antara gaya bacaan *al-Qira'at* yang pelbagai ini dapat dielakkan. Dengan menguasai ilmu ini, pembaca mampu menyusun gaya bacaan imam manakah yang patut didahulukan dan yang patut dikemudiankan ketika membaca bacaan *al-Qira'at* secara *Jam'* *al-Qira'at* dan juga ketika membaca bacaan *al-Qira'at* secara *ifrad* jika terdapat perbezaan gaya bacaan dikalangan rawi kepada imam al- *al-Qira'at*. Akhirnya ilmu ini boleh dianggap sebagai benteng terakhir dalam menjaga kesucian *al-Qur'an* dan *al-Qira'at* daripada sebarang anasir yang meragut kesucian kitab ini yang merupakan sumber perlembagaan utama umat Islam di seluruh dunia.

9. RUJUKAN

1. *al-Qurān al-Karīm*.
2. Abd al-Rāziq Bin ‘Alī Bin Ibrāhīm Musā, 1992, *Ta ammulāt Hawl Tahrīrāt al-‘Ulāma’ lil Qirā’āt al-Mutawātirah*, Wizārah al-İlām, Madinah al-Munawwarah.
3. Shaykh Muḥammad Yālūshah, 2006, *al-Fawāid al-Mufhamah sharḥ al-Jazariyyah al-Muqaddimah*, Maktabah al-Adab (Ali Hasan) Kaherah.

4. Muhammad Bin Makram Bin ^cAlī, Abū al-Fadl, Jamal al-Dīn Ibn Manzur al-Ansari al-Ruwifi^ci al-Afriqi, 1993, *Lisān al-^cArab*, Dar Sadir, Beirut, Lubnan, j. 4.
5. al-Fath al-Rahmānī: Sharh Kanz al-Ma^cani Bi Tahrir Hirz al-Amani Fī al-Qira'at, 2002, Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah. Beirut, Lubnan, Sulayman Bin Husayn al-Jamzuri.
6. Al-Imām Shams al-Dīn Abū al-Khayr Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn al-Jazarī, 2009, *al-Nashr Fi al-Qiraat*, Matba^cah al-Tijariyyah al-Kubra.
7. Muṣṭafā Ibn ^cAbd al-Rahmān al-Azmīrī, 2015, *Umdah al-^cIrfān Fi Wujuh al-Quran*, Makatabah al-Jundi, Matba^cah al-Jundi, Kaherah.
8. Syaykh al-Mitwalli, 2006, *Rawḍ al-Naḍīr Fi Tahrir Awjūh al-Kitab al-Munir*, Dar al-Sahabah Li al-Turath Bi Tanta, Tanta, Tahqiq dan Dirasah Khalid Abu al-Jud. (makhtūṭah).
9. Doktor Īhāb Fikri(t.th), *al-Durrur al-Zāhirah Fi Taḥrīr al-Qirā'at al-Mutawātirah* (t.tp), (t.tp),(makhtūṭah).
10. Sunan Ibn Hibban, 1993, Muhammad Bin Hibban Bin Ahmad Bin Hibban Bin Mu^caz Bin Ma^cbad al-Tamimi, Abu Hatim, al-Darimi, al-Busti, Muassasah al-Risalah, Beirut.
11. Ibrāhīm al-^cAbīdī(t.th), *al-Taḥarīr al-Muntakhabah ^cAlā Matn al-Ṭayyibah*, (t.tp), (t.tp) (makhtūṭah).